

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
KEMUDAHAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)
SCHOLARSHIPS TEACHER TRAINING STUDENTS 2020**

1. **Syarat-syarat permohonan dan pencalonan**
 - (a) Berumur tidak melebihi **35 tahun pada 1 April 2020** (lahir selepas atau pada 2 April 1985);
 - (b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap sekurang-kurangnya untuk tempoh **5 tahun** (dikira dari 1 Oktober 2020);
 - (c) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
 - (d) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
 - (e) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata **85** markah ke atas bagi tempoh genap **3** tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (**2016, 2017 & 2018**) atau (**2017, 2018 & 2019**). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap **12** bulan;
 - (f) Tidak mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu (1) tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua (2) tahun** kebelakangan (dikira dari 1 April 2020);
 - (g) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
 - (h) Telah mengisytiharkan harta;
 - (i) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
 - (j) Tidak berkhidmat dalam perkhidmatan tentera; dan
 - (k) Pegawai yang memiliki kemahiran dan kebolehan dalam Bahasa Jepun digalakkan memohon.

2. Tatacara Permohonan/Pencalonan

2.1 Tanggungjawab Pegawai.

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 15 Januari 2020**.

2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada **Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan** masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
- (ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);
- (iii) *Application Form* (beserta gambar/ gambar digital berukuran 4.5cm x 3.5cm);
- (iv) *Placement Preference Application Form*;
- (v) *MEXT Certificate of Health*;
- (vi) Salinan skrol dan transkrip Ijazah Pertama dan Sarjana (sekiranya ada) yang telah disahkan;
- (vii) Surat pengesahan perkhidmatan dan sokongan oleh majikan semasa; dan
- (viii) Sijil pengesahan kompetensi Bahasa Jepun (sekiranya ada).

2.1.3 Dokumen (iii) sehingga (viii) di atas hendaklah dikemukakan dalam bentuk satu (1) dokumen asal dan dua (2) dokumen salinan. Sila rujuk senarai semak, panduan permohonan dan panduan kursus yang disediakan di sistem <http://esilav2.jpa.gov.my> bagi memastikan permohonan yang dihantar mematuhi syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak penaja.

2.1.4 Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

2.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B). Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen di Perenggan 2.1.2.